

Briged Sukarelawan Khidmat Negara jadi kursus kokurikulum berkredit

USIM jadi perintis modul BSKN

Oleh **MOHAMMAD YASIR JAAFAR**
utusanN9@utusan.com.my

SEREMBAN 22 Jan. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menjadi perintis terhadap penubuhan modul kokurikulum Briged Sukarelawan Khidmat Negara (BSKN) yang akan menjadi sebahagian kursus kokurikulum berkredit di universiti berkenaan.

Lebih menarik, program BSKN yang merupakan kerjasama antara USIM dengan Jabatan Latihan Khid-

mat Negara (JLKN) itu akan diperluaskan ke institusi pengajian tinggi (IPT) lain kelak.

Penyelaras Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah (PPKI) USIM, Dr. Mohd. Faisal Ibrahim berkata, beberapa siri pertemuan telah diadakan bersama JLKN bagi membincangkan penubuhan BSKN sebelum diputuskan dijadikan kursus kokurikulum berkredit di universiti tersebut.



“USIM akan memeterai memorandum perjanjian (MoA) bersama pihak JLKN dalam masa terdekat dan dijangkakan penawaran kursus BSKN ini akan dibuka kepada para penuntut pada sesi akademik akan datang iaitu September ini,” katanya di sini baru-baru ini.

Jelas Mohd. Faisal, pengambilan serta pemilihan penuntut untuk menyertai BSKN akan diberi keuta-

maan dalam kalangan bekas pelatih yang pernah menjalani Program Latihan Khidmat Negara (PLKN).

“Melalui BSKN penuntut akan dibimbing dalam bentuk teori dan praktikal oleh tenaga pengajar dan jurulatih bertauliah yang disediakan JLKN.

“Kursus ini akan dijalankan secara mingguan dengan pelaksanaan aktiviti kokurikulum di peringkat IPT manakala program latihan luar selama tiga hari dua malam pula akan diadakan setiap semester,” ka-

tanya.

Tambahnya, program kesukarelawan akan turut diadakan pada setiap semester dengan dikelolakan sepenuhnya sukarelawan BSKN sendiri sebagai projek akhir mereka.

“BSKN akan dilaksanakan selama empat semester pengajian dengan diberikan jumlah nilai empat jam kredit iaitu satu jam kredit bagi setiap semester. Apabila tamat nanti, mereka akan ditauliahkan sebagai Leftenan Muda BSKN IPT,” katanya.